

Polis gesa siswi 'dicabul' buat laporan

MalaysiaKini.com

May 1, 2013

By Kuek Ser Kuang Keng

Polis menggesa dua mahasiswi Kolej Universiti Selatan (SUC) membuat laporan polis berhubung dakwaan mereka dicabul oleh penyokong BN dalam acara yang dihadiri Datuk Seri Najib Razak pada Isnin lalu.

NONEketua Polis Daerah Johor Bahru ACP Ruslan Hassan berkata, beliau sudah menghubungi Presiden SUC Thock Kiah Wah (kiri) dan meminta supaya pihak kolej memaklumkan kepada siswa itu supaya membuat laporan polis.

Dua mahasiswa 19 tahun itu mendakwa mereka dicabul secara seksual oleh beberapa orang penyokong BN dalam majlis di Skudai, Johor itu.

Gadis yang dirujuk sebagai X dan Y yang ditugaskan sebagai wanita pengiring bagi menyerahkan pen untuk perdana menteri menandatangani plak mendakwa menjadi mangsa gangguan seksual ketika keadaan sesak.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <http://www.malaysiakini.com/news/228717>